

**KERTAS PROJEK**

**PAD 355.**

**PUNCA-PUNCA PENCERAIAN MASYARAKAT  
ISLAM DAERAH JASIN**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM  
KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
JALAN HANG TUAH  
MELAKA.**

**TARIKH PENYERAHAN : 2HB. MEI, 1989.**

**OLEH**

**AHMAD BIN ABU BAKAR**

**NAZIR BIN IDRIS**

**ABD. RAHIM BIN LATUN**

(ii)

**Penghargaan.**

Melalui ruangan ini, kami pihak penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu kami ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada Puan Zaleha, pensyarah Diploma Pentadbiran Awam dan Undang-Undang, yang juga selaku penasihat utama kumpulan kami, atas segala nasihat, bimbingan dan galakkan serta tunjukajar yang telah diberikan dalam melaksanakan projek ini. Tanpa kerjasama beliau, projek ini tidak akan dapat berjalan dengan lancar.

Di samping itu melalui kesempatan ini kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kami kepada Encik Ahmad b. Abu Bakar, Pegawai Pemeriksa Hal-Ehwal Agama, Pejabat Agama Islam Daerah Jasin, yang mana telah banyak meluangkan masa dalam memberikan maklumat dan tunjukajar demi menjayakan perprojek ini.

Kami juga terhutang budi kepada semua kakitangan Pejabat Kadi Daerah Jasin di atas kerjasama mereka dalam memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan.

(iii)

Akhir sekali, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada keluarga kami terutamanya isteri-isteri dan anak-anak kami kerana keikhlasan mereka dalam memberikan kepercayaan dan inspirasi.

Semoga dengan kerjasama yang diberikan ini, kami dapat menyiapkan sebuah Kertas Projek yang baik dan memberi menafaat kepada semua. Insya'Allah.

Ikhlas daripada,

Ahmad bin Abu Bakar

Nazir bin Idris

Abd. Rahim bin Latun

DPA 8 - 88/89.

## **SUSUNAN KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT.**

SEKAPUR SIREH	(i)
PENGHARGAAN	(ii)
PRAKATA	(iv)

### **1. KERTAS CADANGAN (PROPOSAL)**

1.1 PENGENALAN	1
1.2 RASIONAL	4
1.3 OBJEKTIF	5
1.4 ANDAIAN	6
1.5 SKOP PENYELIDIKAN	7
1.6 METHODOLOGI	8
1.7 SEKATAN DAN MASALAH	9

### **2. PENGHURAIAN PENCERAIAN.**

2.0 DIFINASI	10
2.1 DALIL DARI AL QURAN DAN HADIS	13
2.2 HUKUM-HUKUM TALAK	15
2.3 JENIS-JENIS PENCERAIAN DALAM ISLAM	18
2.4 BILANGAN TALAK	19
2.5 LAFAZ TALAK	20
2.6 JENIS-JENIS TALAK	21
2.7 RUMUSAN	22

### **3. FUNGSI DAN OBJEKTIF PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH JASIN.**

3.0 MUKIM-MUKIM DAERAH JASIN	24
3.1 PEJABAT AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA	25
3.2 FUNGSI PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH JASIN	26

## 1.2 RASIONAL.

Sebagaimana yang kita ketahui, kehidupan manusia adalah serupa, walau di mana mereka berada. Hanya yang berbeza adalah agama, kebudayaan, bahasa dan adat istiadat. Tetapi hidup, mati dan kahwin adalah ketetapan dari Allah s.w.t. Begitu juga penceraian berlaku di mana-mana saja, samada masyarakat Islam ataupun masyarakat bukan Islam; dan seterusnya masalah ini tetap berlaku khasnya di dalam masyarakat Islam Daerah Jasin.

Walaupun terdapat program-program ceramah agama, kursus-kursus perkahwinan dan kelas-kelas Fardhu Ain yang diadakan di mesjid-mesjid namun bagitu penceraian masih tetap berlaku malahan pertambahannya sangat ketara sekali. Ini berkemungkinan ada satu-satu sebab yang seharusnya dilihat akan sebab-sebab yang membawa kepada penceraian.

Dan apakah kesan-kesan atau implikasinya apabila berlaku penceraian. Mungkinkah anak-anak mangsa penceraian tersebut akan menjadi beban kepada negara dan masyarakat dan bagaimana pula reaksi kekeluargaan anantara kedua belah pihak atau mungkinkah terputusnya jambatan silatur rahim antara mereka. Persoalan ini harus dilihat dari dekat untuk memastikan satu jawaban yang tepat dan konkrit.

Adalah menjadi harapan kami, semoga melalui kajian ini kami akan dapat menonjolkan punca-punca penceraian, kesan-kesannya dan langkah untuk mengatasi masalah penceraian ini.